

Penubuhan sekretariat topik, perbincangan

9 JUL 2003

PUTRAJAYA 9 Julai — Penubuhan Sekretariat Tetap Ulama Sedunia di Malaysia akan menjadi salah satu topik perbincangan dalam Multaqa Ulama Sedunia yang akan bermula di sini esok.

Pengerusi jawatankuasa multaq berkenaan, Datuk Nakhaie Ahmad berkata, semua cadangan yang dibuat dalam multaq berhubung sekretariat yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu kelak akan diajukan kepada kerajaan.

“Semua cadangan yang dikemukakan oleh peserta multaq akan diambil kira untuk memastikan objektif sekretariat berkenaan dapat dipenuhi,” katanya ketika ditemui selepas meninjau persiapan akhir dan ketibaan peserta multaq berkenaan di Hotel J. W. Marriot, di sini hari ini.



Sekretariat tersebut dijangka dianggotai oleh ulama dan pemikir-pemikir Islam terkemuka di peringkat antarabangsa.

Matlamat sekretariat tersebut ialah untuk menyebarkan fahaman sebenar berhubung pembangunan serta pengurusan sumber-sumber negara Islam dengan lebih berkesan.

Anggota sekretariat tersebut akan mengadakan perjumpaan dari semasa ke semasa dan segala ru-

musan yang digariskan di dalam setiap perbincangan akan disebarkan.

Ditanya mengenai kehadiran peserta, Nakhaie menambah imej Dr. Mahathir dan Malaysia menjadikan multaq berkenaan mendapat sambutan yang membanggakan khususnya di kalangan negara-negara Islam.

“Kebanyakan daripada peserta yang hadir menyuarakan rasa kagum mereka dengan pencapaian Malaysia dari segi modenisasi dan pembangunan ummah,” tambahnya.

Sejumlah 840 ulama dan cendekiawan Islam daripada 33 buah negara Islam akan berbincang di dalam persidangan yang julung-julung kali diadakan di negara ini.